

14 FEB 2003

Mahathir-Air

MALAYSIA BEKAL AIR KE SINGAPURA 'SAMPAI KIAMAT', KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 14 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada Singapura bahawa Malaysia akan terus membekalkan air kepada republik itu "sampai kiamat", tetapi dalam bentuk air yang telah dirawat pada harga yang berpatutan.

Perdana Menteri berkata air yang telah dirawat itu akan dibekalkan kepada Singapura selepas tamatnya dua perjanjian air, masing-masing pada tahun 2011 dan 2061.

"Kita berpegang kepada janji negara ini, saya beri jaminan kepada rakyat Singapura bahawa kita akan bekal air kepada mereka selama-lamanya, dan kita akan bekal air yang ditapis ke Singapura sehingga kiamat. Jadi Singapura jangan khuatir," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan muhibah bersama rakyat dan upacara pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) serta pelancaran projek perumahan rakyat di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai kemampuan untuk membekalkan air dalam bentuk yang telah dirawat kepada Singapura di masa depan kerana negara ini telahpun mempelajari serta mempunyai teknologi bagi merawat air mentah.

"Kita telah belajar macam mana nak tapis air, kitapun mampu tapis air. Bayar dengan harga yang berpatutan...dapat air. Tak perlu guna punca-punca lain," katanya.

Berdasarkan dua perjanjian air, satu pada tahun 1961 dan satu lagi tahun 1962, Malaysia kini membekalkan air mentah ke Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli balik air yang dirawat pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Mengikut perjanjian 1961, Singapura boleh mendapatkan 80 juta gelen air sehari dari kawasan tadahan Pulai, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011 manakala perjanjian 1962 pula membenarkan Singapura mendapatkan 50 juta gelen sehari dari Sungai Johor sehingga 28 Sept 2061.

Dr Mahathir berkata sebagai negara yang berjiran, Malaysia sentiasa menganggap Singapura bukan sahaja sebagai sahabat dan kawan yang baik malah sebagai jiran yang merdeka dan perlu dihormati.

"Kita kawan, kita sahabat, dia sebuah negara merdeka, kita hormati kemerdekaan mereka...kita mahu jadi jiran yang baik," katanya.

Perdana Menteri berkata pendekatan peperangan yang disuarakan oleh sesetengah pihak, bukan merupakan cara yang terbaik untuk menyelesaikan soal air itu.

Pada sidang media kemudian, Dr Mahathir mengakui bahawa ketika ini, Malaysia menghadapi sedikit masalah dengan kerajaan Singapura berkaitan beberapa isu termasuk soal air dan tuntutan terhadap Pulau Batu Puteh.

"Tetapi semua masalah ini boleh diselesaikan jika ada perasaan muhibah di kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata apa yang Malaysia mahu selesaikan dalam rundingan bekalan air dengan republik itu ialah berhubung soal harga.

"Kita meminta harga yang berpatutan tetapi mereka nampaknya tidak memberi harga yang berpatutan. Mereka berharap untuk menangguhkannya sehingga 2011 apabila perjanjian tamat. Jika mereka selesaikannya sekarang, mereka perlu bayar (lebih)," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan Johor kini menjual air mentah ke Melaka pada harga 30 sen bagi setiap 1,000 gelen iaitu jauh lebih mahal daripada harga yang dijual kepada Singapura, sedangkan Melaka merupakan sebahagian daripada Malaysia.

-- BERNAMA
RAM MNY MAI